



KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 19 Januari, 2021 – Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah menzahirkan harapan agar para wira dan wirawati petugas barisan hadapan terus cekal dan tabah dalam memerangi gelombang ketiga penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada ketika ini.

Dalam menzahirkan kata-kata semangat kepada semua petugas barisan hadapan, Al-Sultan Abdullah amat memahami cabaran besar yang diharungi oleh mereka pada ketika ini ekoran daripada kenaikan mendadak kes-kes positif COVID-19 harian yang telah mencecah kepada empat angka secara berterusan sejak hujung tahun lalu.

Al-Sultan Abdullah amat menyanjungi tinggi pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para petugas barisan hadapan demi keselamatan diri rakyat dalam memikul tanggungjawab membendung wabak COVID-19 dan merawat pesakit-pesakit wabak yang boleh meragut nyawa ini.

Justeru, Seri Paduka Baginda turut menzahirkan harapan agar semangat kental dan juang yang tinggi yang telah dipamerkan oleh para petugas barisan hadapan sebagai benteng utama sejak bermulanya penularan wabak ini pada awal tahun lalu di negara ini turut dihargai oleh seluruh rakyat jelata.

Sesungguhnya, usaha-usaha gigih para petugas barisan hadapan bertugas tanpa henti dan bersabung nyawa di lapangan, klinik kesihatan, hospital, makmal dan semua fasiliti kesihatan, mahupun di belakang tabir, demi menjamin kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia sewajarnya dipuji dan terus dihargai.

Demi tugas, para wira dan wirawati negara ini bukan sahaja sanggup mempertaruhkan nyawa demi memikul amanah yang diberi, mereka juga terpaksa berjauhan dengan keluarga sejak penularan wabak ini. Mereka kini bukan sahaja letih memerah keringat, tetapi juga keletihan mental.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan rasa dukacita terhadap rakyat yang masih tidak peka dalam tindak-tanduk harian mereka, khususnya terhadap pematuhan disiplin amalan kebiasaan baharu dan kawalan sendiri bagi mengekang penularan wabak ini.

Sehubungan dengan itu, Al-Sultan Abdullah menyeru seluruh rakyat untuk menzahirkan solidariti dan sokongan padu kepada para petugas barisan hadapan dengan bersama berganding bahu berdisiplin mematuhi semua perintah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan Prosedur Operasi Standard (SOP).

Seri Paduka Baginda bertitah maka ini lah masanya untuk kita, sebagai warganegara dan rakyat Malaysia mengeneppikan perbezaan politik, bangsa dan agama, bersama mempamerkan semangat kesetiaan, kemanusiaan dan jati diri memerangi wabak COVID-19.

Semoga dengan sokongan dan kerjasama rakyat jelata, Al-Sultan Abdullah menzahirkan keyakinan bahawa kita bukan sahaja mampu sekali lagi melandaikan lekuk kes-kes jangkitan COVID-19 harian, malah mampu meringankan beban yang dipikul oleh para petugas barisan hadapan. Insyallah, kalau kita berusaha dan tawakal kepada Allah, kita boleh memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dalam negara ini dengan berkesan.

Dilaporkan semalam (18 Januari, 2021), negara telah merekodkan 3,306 kes jangkitan COVID-19 baharu. Menurut statistik, lima belas hospital COVID-19 mencatatkan kadar penggunaan katil COVID-19 (bukan ICU) melebihi 70 peratus. Di Lembah Klang, penggunaan katil ICU untuk pesakit COVID-19 di Hospital Kuala Lumpur dan Pusat Perubatan Universiti Malaya telah mencapai 100 peratus, manakala di Hospital Sungai Buloh 83 peratus. Kadar penggunaan katil ICU untuk pesakit COVID-19 di Perak, Selangor, Melaka, Terengganu dan Sarawak pula telah melebihi 70 peratus.

Berhubung dengan perkembangan terkini ini, Seri Paduka Baginda menzahirkan rasa kekusaran terhadap peningkatan keperluan rawatan rapi dan penggunaan katil ICU untuk pesakit-pesakit di hospital-hospital COVID-19, khususnya di Lembah Klang, ekoran daripada kenaikan secara mendadak kes-kes baharu wabak ini.

Berikutan peningkatan keperluan rawatan rapi dan penggunaan katil ICU ini, pesakit-pesakit jangkitan COVID-19 yang kritikal terpaksa ditempatkan di hospital- hospital Kerajaan yang lain dan ini boleh menjejaskan rawatan pesakit-pesakit bukan COVID-19 yang lain.

Al-Sultan Abdullah turut mengambil kesempatan ini untuk mengajak rakyat untuk bersama mendoakan agar para petugas barisan hadapan sentiasa dilindungi dan segala usaha yang kita lakukan dalam memerangi COVID-19 diberkati dan berjaya.

Seri Paduka Baginda turut mengajak rakyat untuk bersama Baginda mendoakan semoga negara ini sentiasa dilindungi dan bebas dari wabak ini dengan segera.

Dato' Indera Ahmad Fadil Shamsuddin
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara